

28 NOV 1996

Taman

PERDANA MENTERI RASMI TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Taman Teknologi Malaysia (TTM) yang akan merangsang kemajuan negara dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi.

Taman seluas 280 hektar itu adalah kira-kira 20 minit perjalanan di selatan ibukota di kawasan yang sedang pesat tumbuh di Bukit Jalil dan pada kedudukan yang strategik dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Fasa pertama taman itu yang bermula pada 1988 dengan kos RM237 juta telah siap dan menumpukan kepada teknologi maklumat, pembangunan perisian, mikroelektronik, telekomunikasi dan teknologi udara.

Fasa kedua berharga RM226 juta yang dijangka siap pada tahun 2000 akan menggalakkan penyelidikan dan pembangunan bagi bioteknologi, perubatan dan teknologi alam sekitar, pertanian, kesihatan, tenaga dan kawalan pencemaran.

Taman itu dilengkapi teknologi terkini seperti gentian optik, komunikasi Internet dan kemudahan prototaip bagi penghuninya.

Sebanyak 32 syarikat telah memulakan operasi di taman itu, antaranya Iris Technologies (M) Sdn Bhd, Multi-media Development Corporation dan Measat Broadcast Network System Sdn Bhd.

Pengarah urusan TTM Dr Mohamad Salleh Ismail dalam perutusan bagi perasmian itu berkata taman berkenaan merupakan satu daripada elemen penting Wawasan 2020 dalam mencapai status negara maju menjelang tahun itu.

Pelbagai kemudahan infrastruktur sokongan yang disediakan kepada pelabur dan pencipta di taman itu akan membolehkan syarikat-syarikat Malaysia menembusi pasaran antarabangsa dalam pembangunan teknologi, katanya.

Mohamed Salleh juga berkata taman itu mempunyai potensi untuk muncul sebagai satu daripada yang terbaik di dunia.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan pengerusi TTM Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman. -- BERNAMA

TCL RON AKD